

JKDM Kelantan rampas 102kg bunga ganja bernilai RM10 juta

3 suspek cuba seludup bahan terlarang melalui pangkalan haram ditahan

leh Nor Fazlina Abdul Rahim
fazlina@bh.com.my

antau Panjang: Jabatan Ka- lam Diraja Malaysia (JKDM) elantan mematahkan cubaan

menyeludup lebih 102 kilogram (kg) bunga ganja bernilai RM10 juta selepas merampas bahan terlarang itu di dua lokasi, di sini, Rabu lalu.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata rampasan dilakukan di pintu Zon Bebas Cukai dan stesen bas, di sini, selain turut menahan tiga individu termasuk dua wanita. “Rampasan pertama dilaku-



Wan Jamal Abdul Salam Wan Long

kan pada jam 10.30 pagi selepas kita membuat pemeriksaan terhadap tiga beg ditingsalkan di pintu 1 Zon Bebas Cukai. Hasil pemeriksaan dijalankan mendapati ketiga-tiga beg itu mengandungi 88 paket plastik lutsinar disyaki bunga ganja.

“Pada masa sama kita juga menjalankan pemeriksaan terhadap seorang wanita yang membonceng

motosikal bersama beg yang dibawa melalui pintu 1 sebelum mendapati terdapat 32 paket plastik lutsinar disyaki bunga ganja,” katanya menerusi kenyataan media, di sini semalam.

Serpuan di hentian bas

Beliau berkata, hasil siasatan terhadap suspek wanita berkenaan, serpuan dilakukan di Hentian Bas Rantau Panjang dan merampas dua beg mengandungi 60 paket plastik lutsinar disyaki bunga ganja.

Katanya, menerusi serpuan

berkenaan pihaknya menahan dua individu, iaitu seorang lelaki dan wanita.

“Keseluruhan rampasan membabitkan enam beg mengandungi 180 paket plastik lutsinar dengan anggaran berat lebih kurang 102.178kg disyaki mengandungi bunga ganja.

“Nilai keseluruhan rampasan berjumlah lebih RM10 juta. Modus operandi dilakukan adalah bunga ganja diseludup melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok sebelum dibawa melalui Zon Bebas Rantau Panjang,” katanya.